



UMP rai 165 ahli keluarga asnaf terima sumbangan dan bantuan Aidil Fitri

Seramai 165 orang dalam kalangan keluarga asnaf sekitar Kuantan dan Pekan dirai dalam Majlis Berbuka Puasa anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Persatuan Wanita UMP (Matahari) dan UMP Advanced Education (UAE) pada 19 Jun 2016 yang lalu bertempat di Restoran McDonald's Indera Mahkota, Kuantan.

Dalam majlis itu, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil 'Allallah Sultan Iskandar Al-Haj berangkat mengurniakan sumbangan berbentuk makanan, keperluan harian, keperluan solat dan pakaian kepada 30 keluarga yang kurang berkemampuan ini.

Berangkat sama paduka anakanda Yang Mulia Tengku Amir Nasser Ibrahim Shah bersama Tengku Muhammad Iskandar Ri'ayatuddin Shah Ibni Tengku Abdullah Al-Haj.

Hadir sama Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim bersama isteri, Datin Fazia Ali yang juga Penasihat Persatuan Wanita UMP, Pendaftar, Abd Hamid Majid, Ketua Pegawai Eksekutif UMP Advanced Education (UAE), Mohd. Rozi Hassan dan Presiden Persatuan Wanita UMP, Profesor Datin. Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing Nasir, UMP mengambil inisiatif mendekati masyarakat dalam Program Jejak Asnaf Fakir

Miskin yang dilaksanakan bagi membantu golongan yang memerlukan bantuan dalam menjalani kesempitan kehidupan sehari-hari terutamanya ketika umat Islam menjalani ibadah berpuasa pada bulan Ramadan.

"Program yang dijalankan Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) dengan kerjasama Persatuan Wanita UMP (Matahari) sempena Festival Ramadan pada tahun ini berjaya menjelaki lebih 30 golongan asnaf yang fakir dan miskin yang tinggal sekitar Kuantan dan Pekan.

"Program Jejak Asnaf Fakir Miskin memberi peluang dalam kalangan warga universiti untuk turun padang menghulurkan sumbangan keperluan asas seperti bantuan bekalan makanan, keperluan rumah dan sumbangan baju raya untuk mereka merasai kegembiraan Syawal.

"Segala persiapan sumbangan diselaraskan menerusi Jawatankuasa Kebajikan di Jabatan Pendaftar dengan digerakkan pihak Persatuan Wanita UMP yang giat mengumpul sumbangan daripada pihak korporat dan orang ramai yang berhasrat membantu golongan yang memerlukan.

"Usaha ini merupakan salah satu program yang dijalankan dalam usaha mendekati masyarakat sekitar dalam membangunkan komuniti setempat yang mana universiti pada ketika ini turut memberi tumpuan terhadap program komuniti, kemasyarakatan dan

kesukarelawanan," katanya yang hadir sama menyampaikan sumbangan kepada penerima manfaat.

Justeru ujar Profesor Dato' Dr. Daing, program MyGift UMP merupakan satu inisiatif mengumpul sumbangan daripada mana-mana pihak bagi menyalurkan sumbangan endowmen atau tabung bagi tujuan tajaan pelajaran, penyediaan kemudahan prasarana kepada pelajar mahupun membudayakan semangat membantu bagi golongan yang memerlukan.

Dalam memeriahkan Festival Ramadan, UMP turut mengadakan Iftar bersama penduduk kampung, berbuka puasa berjemaah (Iftar Jamaie) di kampus dan program gotong-royong yang dijalankan staf dan pelajar mengikut jabatan yang ditetapkan secara bergilir.

Sepanjang Ramadan, UMP turut menganjurkan program Jelajah Ramadan Asian 2016 yang memberi peluang pelajar UMP merasai pengalaman berpuasa, bersahur dan berbuka puasa bersama anak-anak yatim di Rumah Kebajikan Nurul Dayah di Aceh Indonesia.

Selain itu, Program Ziarah Prihatin Ramadan dan Ziarah Prihatin Syawal anjuran bersama alumni UMP juga turut menyokong inisiatif universiti ini yang cukup sinonim dengan program kesukarelawanan dan juga universiti komuniti.